



Headline	MIMOS akan lancar pusat pengujian wafer		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	32	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	85 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,407
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,629



## MIMOS akan lancar pusat pengujian wafer

**M**IMOS Bhd (MIMOS) akan membuka kemudahan pengujian wafer untuk kegunaan industri pertama di Malaysia bagi membolehkan syarikat elektrik dan elektronik (E&E) tempatan menjalankan pengujian produk mereka dalam negara.

Langkah bakal menjimatkan kos operasi syarikat E&E sehingga 35 peratus setahun itu direalisasikan apabila kerajaan meluluskan peruntukan RM19 juta kepada MIMOS untuk menaik taraf kemudahan peng-

ujian wafer miliknya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata langkah menaik taraf itu akan dimulakan secepat mungkin bagi membolehkan syarikat E&E tempatan berkongsi perkhidmatan kepakaran, teknologi dan kemudahan disediakan MIMOS itu.

Katanya, kemudahan pengujian wafer MIMOS itu akan dipertingkat dalam tiga fasa dengan fasa kedua dan fasa ketiga khusus memberi manfaat kepada sektor

E&E negara bagi membantu pengembangan operasi syarikat berkaitan semikonduktor.

“Memorandum persefahaman (MOU) MIMOS dengan 13 peserta utama dalam sektor E&E tempatan hari ini membuktikan kematangan sektor E&E negara apabila mengurangkan kebergantungan kepada kepakaran dan perkhidmatan disediakan negara lain seperti Jepun, Taiwan, Singapura dan China,” katanya selepas majlis pemeteraian MoU itu di Putrajaya, semalam.